

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

Symbicort Turbuhaler 160/4.5mcg/dos

budesonida

formoterol fumarat dihidrat

Bacalah seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula menggunakan ubat ini.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Jika anda ragu-ragu, tanyalah doktor atau ahli farmasi.
- Ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Jangan beri orang lain. Ubat ini boleh memudaratkan mereka, walaupun simptom mereka sama seperti simptom anda.
- Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Kegunaan Symbicort Turbuhaler

Doktor telah mempreskripsikan ubat ini untuk merawat asma (lelah) atau penyakit pulmonari obstruktif kronik (*chronic obstructive pulmonary disease* atau COPD).

Asma

Symbicort Turbuhaler boleh digunakan untuk merawat asma dengan dua cara.

a) *Sesetengah orang diberi preskripsi dua alat sedut asma: Symbicort Turbuhaler dan 'alat sedut pelega' yang berasingan.*

- Pesakit seperti ini menggunakan Symbicort Turbuhaler setiap hari. Ini dapat mencegah berlakunya simptom-simptom asma.
- Mereka menggunakan 'alat sedut pelega' apabila mereka mendapat simptom-simptom asma agar mudah bernafas kembali.

b) *Sesetengah orang diberi preskripsi Symbicort Turbuhaler sebagai satu-satunya alat sedut asma yang perlu digunakan.*

- Pesakit seperti ini menggunakan Symbicort Turbuhaler setiap hari. Ini dapat mencegah berlakunya simptom-simptom asma.
- Mereka juga menggunakan Symbicort Turbuhaler apabila mereka memerlukan dos tambahan untuk melegakan simptom-simptom asma agar mudah bernafas kembali. Mereka tidak memerlukan alat sedut yang berasingan untuk tujuan ini.

Penyakit pulmonari obstruktif kronik (*chronic obstructive pulmonary disease* atau COPD)

Symbicort Turbuhaler boleh juga digunakan untuk merawat simptom-simptom COPD yang teruk pada orang dewasa. COPD ialah sejenis penyakit jangka panjang pada salur udara di dalam paru-paru, yang selalunya disebabkan oleh tabiat merokok.

Cara Symbicort Turbuhaler bertindak

Symbicort Turbuhaler ialah sejenis alat sedut. Alat sedut ini mengandungi dua ubat yang berlainan: budesonida dan formoterol fumarat dihidrat.

- Budesonida terangkum dalam kumpulan ubat yang digelar 'bahan kortikosteroid'. Ubat ini bertindak mengurangkan dan mencegah bengkak dan radang di dalam paru-paru.

- Formoterol fumarat dihidrat tergolong dalam kumpulan ubat yang digelar 'agonis adrenoseptor beta2 tindakan lama' atau 'bronkodilator'. Ubat ini bertindak mengendurkan otot di dalam saluran udara. Ini membantu anda bernafas dengan lebih mudah.

Sebelum anda menggunakan Symbicort Turbuhaler

Larangan menggunakan ubat ini

Jangan gunakan Symbicort Turbuhaler jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap budesonida, formoterol, atau terhadap suatu lagi bahannya, iaitu laktosa (yang mengandungi sejumlah kecil protein susu).

Sebelum anda mula menggunakannya

Sebelum anda menggunakan Symbicort Turbuhaler, beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda menghidap diabetes.
- Anda menghidap jangkitan paru-paru.
- Anda mempunyai tekanan darah yang tinggi atau pernah menghidap penyakit jantung (termasuklah denyutan jantung yang tidak sekata, nadi yang sangat pantas, arteri menjadi sempit, atau kegagalan jantung).
- Anda mengalami masalah pada kelenjar tiroid atau pada kelenjar adrenal.
- Anda mempunyai aras kalium yang rendah di dalam darah.
- Anda menghidap penyakit hati yang teruk.

Menggunakan ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru ini telah memakan ubat lain. Ini merangkumi ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan juga ubat-ubatan herba.

Khususnya, beritahulah doktor atau ahli farmasi jika anda memakan mana-mana ubat yang berikut:

- Ubat penyekat beta (misalnya, atenolol atau propranolol yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi), termasuklah ubat titis mata (misalnya, timolol yang digunakan untuk merawat glaukoma).
- Ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung yang kencang atau yang tidak sekata (misalnya, kuinidin).
- Ubat seumpama digoksin yang kerap digunakan untuk merawat kegagalan jantung.
- Ubat diuretik, yang juga disebut 'penyurut cecair badan' (misalnya, furosemida). Ubat ini digunakan untuk merawat tekanan darah yang tinggi.
- Ubat steroid yang dimakan (misalnya, prednisolon).
- Ubat xantina (misalnya, teofilin atau aminofilin). Ubat ini biasanya digunakan untuk merawat asma.
- Ubat bronkodilator yang lain (misalnya, salbutamol).
- Ubat antikemurungan trisiklik (misalnya, amitriptilin) dan nefazodon, iaitu sejenis ubat antikemurungan.
- Perencat Monoamina Oksidase, juga digelar MAOI (*Mono-Amine Oxidase Inhibitor*), misalnya, fenelzin.
- Ubat fenotiazin (misalnya, klorpromazin dan froklorperazin).
- Ubat yang digelar 'perencat HIV protease' (misalnya, rotonavir) yang digunakan untuk merawat jangkitan HIV.
- Ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan (misalnya ketokonazol, itrakonazol, vorikonazol, posakonazol, klaritromisin dan telitromisin).
- Ubat yang digunakan untuk merawat penyakit Parkinson (misalnya leva dopa).
- Ubat yang digunakan untuk merawat masalah pada tiroid (misalnya levo tiroksin).

Jika anda memakan mana-mana ubat tadi, atau jika anda kurang pasti, tanyalah doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Symbicort Turbuhaler.

Beritahu juga doktor atau ahli farmasi jika anda akan diberi anestetik umum kerana menjalani pembedahan atau rawatan pergigian.

Cara menggunakan Symbicort Turbuhaler

Jumlah yang perlu digunakan dan waktu menggunakannya

- Gunakanlah Symbicort Turbuhaler tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.
- Symbicort Turbuhaler penting digunakan setiap hari walaupun pada ketika anda tidak mengalami simptom-simptom asma.
- Doktor akan selalu memeriksa simptom-simptom asma yang anda alami.

Jika anda memang sedang memakan tablet steroid untuk merawat asma atau COPD yang anda hidapi, doktor mungkin akan mengurangkan bilangan tablet yang anda makan itu setelah anda mula menggunakan Symbicort Turbuhaler. Jika anda sudah lama memakan tablet steroid, doktor mungkin akan meminta anda menjalani ujian darah dari semasa ke semasa. Apabila bilangan tablet steroid yang anda makan itu dikurangkan, anda mungkin akan berasa tidak sihat badan walaupun simptom-simptom pada dada anda bertambah baik. Anda mungkin akan mengalami simptom berupa hidung tersumbat atau berhingus, lemah badan, rasa sengal atau lenguh, dan ruam (ekzema). Jika mana-mana simptom ini mengganggu anda, atau simptom seperti sakit kepala, rasa letih, loya atau muntah-muntah berlaku, hubungilah doktor dengan segera. Anda mungkin perlu memakan ubat lain jika anda mengalami simptom-simptom alergi (alahan) atau artritis. Anda haruslah berbincang dengan doktor jika anda kurang pasti sama ada anda patut terus menggunakan Symbicort Turbuhaler.

Doktor mungkin akan menambah tablet steroid pada rawatan anda yang biasa pada waktu-waktu anda berasa tertekan (misalnya, semasa anda menghidap jangkitan dada atau sebelum menjalani pembedahan).

Maklumat penting tentang simptom asma

Jika anda berasa mengah atau nafas anda berdehit apabila menggunakan Symbicort Turbuhaler, anda harus terus menggunakan Symbicort Turbuhaler tetapi jumpalah doktor dengan secepat mungkin kerana anda mungkin memerlukan rawatan tambahan.

Hubungilah doktor dengan segera jika:

- Pernafasan anda bertambah teruk atau anda kerap terjaga pada waktu malam disebabkan asma.
- Anda mula berasa sesak dada pada waktu pagi, atau anda berasa sesak dada lebih lama daripada biasa.

Tanda-tanda ini mungkin bermakna bahawa asma yang anda hidapi itu tidak dikawal dengan baik dan anda mungkin memerlukan rawatan lain atau rawatan tambahan dengan segera.

Asma

Symbicort Turbuhaler boleh digunakan untuk merawat asma dengan dua cara. Jumlah Symbicort Turbuhaler yang perlu digunakan dan waktu menggunakannya bergantung pada preskripsi yang telah diberikan untuk anda.

- a) Jika anda telah diberi preskripsi Symbicort Turbuhaler dan alat sedut pelega yang berasingan, bacalah bahagian bertajuk, 'a) Menggunakan Symbicort Turbuhaler dan alat sedut pelega yang berasingan'.
- b) Jika anda telah diberi preskripsi Symbicort Turbuhaler sebagai satu-satunya alat sedut yang anda gunakan, bacalah bahagian bertajuk, 'b) Menggunakan Symbicort Turbuhaler sebagai satu-satunya alat sedut untuk merawat asma'.

a) Menggunakan Symbicort Turbuhaler dan alat sedut pelega yang berasingan

Gunalah Symbicort Turbuhaler setiap hari. Ini dapat mencegah berlakunya simptom-simptom asma.

Orang dewasa (18 tahun ke atas)

- Dos biasa ialah 1 atau 2 sedutan, dua kali sehari.
- Doktor mungkin akan meningkatkan dos ini kepada 4 sedutan, dua kali sehari.
- Jika simptom anda dikawal dengan baik, doktor mungkin akan meminta anda menggunakan ubat ini sekali sehari.

Remaja (12 hingga 17 tahun)

- Dos biasa ialah 1 atau 2 sedutan, dua kali sehari.
- Jika simptom anda dikawal dengan baik, doktor mungkin akan meminta anda menggunakan ubat ini sekali sehari.

Symbicort Turbuhaler yang lebih rendah kekuatannya boleh didapati untuk kanak-kanak yang berusia antara 6 hingga 11 tahun.

Penggunaan Symbicort Turbuhaler tidak disyorkan untuk kanak-kanak yang belum mencapai umur 6 tahun.

Doktor (atau jururawat asma) akan menolong anda menguruskan asma yang anda hidapi itu. Mereka akan menyesuaikan dos ubat ini kepada dos terendah yang dapat mengawal asma anda. Walau bagaimanapun, jangan ubah dos ubat ini tanpa menanya doktor (atau jururawat asma) dahulu.

Gunalah alat sedut pelega yang berasingan itu untuk merawat simptom-simptom asma apabila simptom itu timbul. Bawa alat sedut pelega itu bersama anda pada setiap masa supaya dapat digunakan apabila perlu. Gunalah alat sedut pelega, dan bukannya Symbicort Turbuhaler, untuk merawat simptom asma.

b) Menggunakan Symbicort Turbuhaler sebagai satu-satunya alat sedut untuk merawat asma

Guna Symbicort Turbuhaler begini hanya jika doktor mengarahkan demikian dan jika anda berusia 18 tahun ke atas.

Gunalah Symbicort Turbuhaler setiap hari. Ini dapat mencegah berlakunya simptom-simptom asma. Anda boleh menggunakan:

- 1 sedutan pada sebelah pagi dan 1 sedutan pada sebelah malam
atau
- 2 sedutan pada sebelah pagi
atau
- 2 sedutan pada sebelah malam.

Gunalah Symbicort Turbuhaler juga sebagai alat sedut pelega untuk merawat simptom-simptom asma apabila simptom itu timbul.

- Jika anda mengalami simptom asma, guna 1 sedutan dan tunggu beberapa minit.

- Jika tidak berkesan, sedut sekali lagi.
- Jangan gunakan lebih daripada 6 sedutan pada masa yang sama.

Bawa Symbicort Turbuhaler bersama anda pada setiap masa supaya dapat digunakan apabila perlu.

Jumlah dos yang melebihi 8 sedutan sehari lazimnya tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, doktor mungkin membenarkan anda menggunakan sehingga 12 sedutan sehari selama tempoh yang terhad.

Jika anda selalu memerlukan 8 sedutan sehari atau lebih, aturlah janji temu untuk berjumpa doktor atau jururawat. Mereka mungkin perlu mengubah rawatan anda.

Jangan gunakan lebih daripada 12 sedutan dalam tempoh 24 jam.

Jika anda mengalami simptom asma semasa bersenam, gunalah Symbicort Turbuhaler dengan cara yang diterangkan ini. Walau bagaimanapun, jangan guna Symbicort Turbuhaler sejurus sebelum bersenam untuk mencegah berlakunya simptom.

Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik (*Chronic Obstructive Pulmonary Disease* atau COPD)

- Hanya boleh digunakan oleh orang dewasa (berusia 18 tahun ke atas)
- Dos biasa ialah 2 sedutan dua kali sehari.

Doktor juga mungkin akan memberi preskripsi ubat bronkodilator yang lain, seperti ubat antikolinergik (misalnya, tiotropium atau ipratropium bromida) untuk merawat COPD yang anda hidapi itu.

Menyediakan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler yang baru

Sebelum kali pertama menggunakan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler yang baru, anda perlu menyediakannya seperti yang berikut:

- Putar penutup untuk membukanya. Anda mungkin akan mendengar bunyi berdetar-detar.
- Pegang Alat Sedut Symbicort Turbuhaler secara menegak dengan tempat pegangnya yang berwarna merah berada di sebelah bawah.
- Putarkan tempat pegang merah itu dengan seberapa jauh yang boleh ke satu arah. Kemudian, putarkan balik dengan seberapa jauh yang boleh ke arah yang bertentangan (tidak penting ke arah mana anda memutarkannya dahulu). Anda sepatutnya mendengar bunyi klik.
- Lakukan sekali lagi, iaitu putarkan tempat pegang merah itu ke dua-dua arah.
- Alat Sedut Symbicort Turbuhaler kini sedia digunakan.

Cara menyedut

Setiap kali anda perlu menyedut, ikutlah arahan di bawah ini.

1. Putar penutup untuk membukanya. Anda mungkin akan mendengar bunyi berdetar-detar.
2. Pegang Alat Sedut Symbicort Turbuhaler secara menegak dengan tempat pegangnya yang berwarna merah berada di sebelah bawah.



3. Jangan pegang corong Alat Sedut Symbicort Turbuhaler apabila anda mengisinya. Untuk mengisi Alat Sedut Symbicort Turbuhaler dengan satu dos, putar tempat pegangnya yang berwarna merah itu dengan seberapa jauh yang boleh ke satu arah.



Kemudian, putarkan balik dengan seberapa jauh yang boleh ke arah yang bertentangan (tidak penting ke arah mana anda memutarkannya dahulu). Anda sepatutnya mendengar bunyi klik. Alat Sedut Symbicort Turbuhaler kini sudah diisi dan sedia digunakan. Isikan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler hanya apabila anda perlu menggunakannya.

4. Pegang Alat Sedut Symbicort Turbuhaler jauh dari mulut anda. Hembus keluar perlahan-lahan (setakat mana yang selesa). Jangan hembus melalui corong Alat Sedut Symbicort Turbuhaler.
5. Letakkan corong dengan berhati-hati di antara gigi anda. Tutupkan bibir anda. Tarik nafas dengan seberapa panjang dan seberapa kuat yang boleh melalui mulut anda. Jangan kunyah atau gigit corong.



6. Keluarkan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler dari mulut anda. Kemudian, hembus keluar nafas anda perlahan-lahan. Jumlah ubat yang disedut sangat kecil. Ini bermakna anda mungkin tidak dapat merasanya setelah disedut. Jika anda telah mengikuti arahan tersebut, anda boleh yakin bahawa anda telah menyedut dos itu dan ubat kini berada di dalam paru-paru anda.
7. Jika anda ingin mengambil sedutan kedua, ulangi langkah 2 hingga 6.
8. Tutupkan semula dengan rapat selepas digunakan.



9. Kumur dengan air selepas setiap dos harian pada sebelah pagi dan/atau malam, kemudian ludahkan keluar. Jangan cuba tanggalkan atau putarkan corong. Corongnya terpasang dengan tetap pada Alat Sedut Symbicort Turbuhaler dan tidak boleh ditanggalkan. Jangan gunakan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler jika rosak atau jika corongnya tercabut.

Membersihkan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler

Kesat bahagian luar corong sekali seminggu menggunakan tisu yang kering. Jangan gunakan air atau cecair lain.

Masa untuk menggunakan alat sedut yang baru



- Penunjuk dos akan memberitahu anda bilangan dos (sedutan) yang masih ada di dalam Alat Sedut Symbicort Turbuhaler, bermula sama ada dengan 60 ataupun dengan 120 dos apabila penuh.
- Penunjuk dos ditandakan pada sela 10 dos. Oleh itu, bukan setiap dos ditunjukkan.
- Apabila anda nampak tanda merah pada pinggir tettingkap penunjuk, ini bermakna ada kira-kira 20 dos lagi yang tinggal. Bagi 10 dos yang terakhir, latar belakang penunjuk dos berwarna merah. Apabila '0' pada latar belakang merah itu sampai ke tengah-tengah tettingkap, anda mestilah mula menggunakan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler yang baru.

Perhatian:

- Tempat pegangnya masih boleh diputar dan akan berbunyi 'klik' walaupun Alat Sedut Symbicort Turbuhaler sudah kosong.
- Bunyi yang anda dengar apabila anda menggoncang Alat Sedut Symbicort Turbuhaler ialah bunyi agen pengering di dalamnya dan bukan bunyi ubat. Oleh itu, bunyi ini tidak akan memberitahu anda jumlah ubat yang masih ada di dalam Alat Sedut Symbicort Turbuhaler.
- Jika dengan tidak sengaja, anda mengisi Alat Sedut Symbicort Turbuhaler lebih daripada sekali sebelum menyedut, anda masih akan menerima hanya satu dos. Walau bagaimanapun, penunjuk dos akan mencatatkan semua dos yang diisi.

Tempoh menggunakan ubat ini

- Gunakanlah Symbicort Turbuhaler tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.
- Symbicort Turbuhaler penting digunakan setiap hari walaupun pada ketika anda tidak mengalami simptom-simptom asma.
- Doktor akan selalu memeriksa simptom-simptom asma yang anda alami.

Jika anda terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa menggunakan satu dos, gunalah sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika waktunya sudah hampir dengan waktu dos yang seterusnya, abaikan sahaja dos yang tertinggal itu.

Jangan guna dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa digunakan itu.

Jika anda masih ragu-ragu mengenai penggunaan produk ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi.

Jika anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)

Jika anda menggunakan lebih banyak Symbicort Turbuhaler daripada yang sepatutnya, hubungilah doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat.

Simptom yang paling lazim berlaku selepas anda menggunakan lebih banyak Symbicort Turbuhaler daripada yang sepatutnya ialah terketar-ketar, sakit kepala atau denyutan jantung yang pantas.

Semasa anda menggunakan Symbicort Turbuhaler

Perkara-perkara yang mesti anda lakukan

Gunakan Symbicort Turbuhaler seperti yang diarahkan oleh doktor.

Perkara-perkara yang tidak boleh anda lakukan

Jangan berhenti menggunakan Symbicort Turbuhaler kecuali dinasihatkan oleh doktor.

Perkara-perkara yang perlu anda awasi

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

- Jika anda hamil, atau bercadang untuk menjadi hamil, bincanglah dengan doktor sebelum menggunakan Symbicort Turbuhaler. Jangan gunakan Symbicort Turbuhaler kecuali diarahkan oleh doktor.
- Jika anda menjadi hamil semasa menggunakan Symbicort Turbuhaler, jangan berhenti menggunakan Symbicort Turbuhaler tetapi beritahulah doktor dengan segera.
- Jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan, bincanglah dengan doktor sebelum menggunakan Symbicort Turbuhaler.

Memandu dan mengendalikan jentera

Symbicort Turbuhaler sama ada tiada kesan terhadap kebolehan anda memandu atau menggunakan alat dan jentera, ataupun kesannya boleh diabaikan.

Maklumat penting tentang beberapa ramuan Symbicort Turbuhaler

Symbicort Turbuhaler mengandungi laktosa, iaitu sejenis gula. Jika doktor memberitahu anda bahawa anda tidak dapat menahan sesetengah jenis gula, bincanglah dengan doktor sebelum anda mula menggunakan ubat ini. Jumlah laktosa di dalam ubat ini biasanya tidak akan menyebabkan masalah pada seseorang yang tidak dapat menahan laktosa.

Eksipien laktosa mengandungi sejumlah kecil protein susu, yang boleh menyebabkan tindak balas alergi.

Kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Symbicort Turbuhaler boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Jika mana-mana satu perkara yang berikut berlaku pada anda, berhenti menggunakan Symbicort Turbuhaler dan beritahu doktor dengan segera:

- Bengkak pada muka, khususnya di sekitar kawasan mulut (lidah dan/atau tekak, dan/atau kesukaran menelan), atau urtikaria berserta kesukaran bernafas (angioedema) dan/atau tiba-tiba pitam. Ini mungkin menandakan bahawa anda sedang mengalami tindak balas alergi. Ini jarang-jarang sekali berlaku dan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang akan mengalaminya.
- Nafas berdehrit atau tercungap-cungap secara tiba-tiba dan akut sejurus selepas menggunakan alat sedut. Jika mana-mana simptom ini berlaku, berhenti menggunakan Alat Sedut Symbicort Turbuhaler dengan serta-merta dan guna alat sedut pelega. Hubungilah doktor dengan segera kerana rawatan anda mungkin perlu diubah. Ini jarang-jarang sekali berlaku dan kurang daripada 1 dalam setiap 10,000 orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan lain yang boleh berlaku:

Lazim berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 10 orang akan mengalaminya)

- Palpitasi (menyedari degupan jantung anda sendiri), terketar-ketar atau menggigil. Jika berlaku, kesan ini biasanya ringan dan lazimnya akan hilang apabila anda terus menggunakan Symbicort Turbuhaler.
- Seriawan (jangkitan kulat) di dalam mulut. Ini kurang berkemungkinan akan berlaku jika anda berkumur dengan air selepas menggunakan Symbicort Turbuhaler.
- Sakit tekak yang ringan, batuk-batuk dan suara menjadi serak.
- Sakit kepala.

Tidak lazim berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 100 orang akan mengalaminya)

- Berasa gelisah, gementar atau meragam.
- Tidur tidak nyenyak.
- Pening.
- Loya (rasa mual).
- Jantung berdenyut dengan pantas.
- Lebam pada kulit.
- Kejang otot.

Jarang-jarang sekali berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 1,000 orang akan mengalaminya)

- Ruam, gatal-gatal.
- Bronkospasma (otot-otot di dalam salur udara mengecut lalu menyebabkan nafas berdehit). Jika nafas berdehit berlaku secara tiba-tiba selepas menggunakan Symbicort Turbuhaler, berhenti menggunakan Symbicort Turbuhaler dan beritahu doktor dengan segera.
- Aras kalium yang rendah di dalam darah.
- Denyutan jantung yang tidak sekata.

Sangat jarang-jarang sekali berlaku (kurang daripada 1 dalam setiap 10,000 orang akan mengalaminya)

- Kemurungan.
- Perubahan tingkah laku, terutamanya pada kanak-kanak.
- Sakit dada atau sesak dada (angina pektoris).
- Peningkatan jumlah gula (glukosa) di dalam darah.
- Perubahan rasa lidah, misalnya rasa tidak enak di dalam mulut.
- Perubahan pada tekanan darah.

Bahan kortikosteroid yang disedut boleh menjejaskan pengeluaran hormon steroid di dalam badan anda, lebih-lebih lagi jika anda sudah lama menggunakan dos yang tinggi. Kesannya merangkumi:

- perubahan ketumpatan mineral tulang (tulang menjadi nipis)
- katarak (saput pada kanta mata)
- glaukoma (tekanan meningkat di dalam mata)
- kadar tumbesaran kanak-kanak dan remaja merosot
- kesan terhadap kelenjar adrenal (kelenjar yang kecil bersebelahan ginjal)

Kesan-kesan ini jauh kurang berkemungkinan akan berlaku dengan penggunaan kortikosteroid sedut berbanding dengan tablet kortikosteroid.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Cara Menyimpan Dan Membuang Symbicort Turbuhaler

- Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.
- Jangan guna alat sedut ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada karton atau pada label alat sedut selepas "EXP". Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan yang dinyatakan itu.
- Jangan simpan pada suhu yang melebihi 30°C.
- Pastikan bekasnya/penutupnya sentiasa tertutup rapat supaya terlindung daripada lembapan.

Keterangan tentang produk

Symbicort Turbuhaler ialah sejenis alat sedut yang mengandungi ubat anda. Serbuk yang disedut itu berwarna putih. Setiap alat sedut mengandungi sama ada 60 atau 120 dos dan berbadan putih dengan tempat pegang berwarna merah yang boleh diputar. **Tempat pegang yang boleh diputar ini mempunyai kod Braille bagi nombor 6 supaya dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada produk sedut AstraZeneca yang lain.**

Symbicort Turbuhaler disediakan di dalam pek yang mengandungi 1 alat sedut berisi 60 atau 120 dos.

Ramuan

Bahannya yang aktif ialah budesonida dan formoterol fumarat dihidrat. Setiap dos yang disedut mengandungi 160 mikrogram budesonida dan 4.5 mikrogram formoterol fumarat dihidrat. Bahannya yang lain ialah laktosa monohidrat (yang mengandungi protein susu).

Nombor pendaftaran Malaysia:

Symbicort Turbuhaler 160/4.5mcg/dos: MAL20020709A

Pengilang

AstraZeneca AB, 15185 Sodertalje, Sweden

Tarikh semakan

Teks disemak semula pada bulan November 2011

RITA.000-403-294.2.0